



Fitness JR

Fitness Junior dibina bertujuan untuk memberi satu pengalaman baharu kepada kanak-kanak untuk bermain dan mengamalkan kemahiran koordinasi seluruh badan dalam persekitaran yang menyeronokkan, sambil belajar bagaimana untuk menangani halangan dan cabaran...



Jungle Adventure

Pusat pengembaraan yang membolehkan kanak-kanak memulakan eksplorasi di Jungle Rider dan mengetahui tentang hidupan liar dengan lebih lanjut. Anda juga boleh mencuba untuk menangkap Mrs Bee yang sentiasa sibuk mengumpul madu, atau berjumpa dengan Mr Tiger yang bijak menyembunyikan diri di setiap sudut dan menunggu peluang untuk 'menerkam' anda. Bukan itu sahaja, anda juga berpeluang bersua dengan The Three Bears dan banyak lagi ...

Mari Bergembira di i-City!



Fun Drive

Ia merupakan sebuah pusat pendidikan keselamatan jalan raya untuk kanak-kanak.

Pemandu junior perlu peka. Jangan tunggu lagi untuk menikmati pengalaman memandu kenderaan sendiri. Setibanya di Fun Drive, pengunjung kanak-kanak akan menerima kad pendaftaran pemandu. Kemudian, pengajar akan memberi taklimat mengenai peraturan asas keselamatan dan peraturan-peraturan semasa di jalan raya serta ditambahkan dengan tip mengenai teknik memandu yang betul dan berhemah.



Waterworld

Taman tema air yang penuh keseronokan untuk seisi keluarga...



Typhoon 8

Di seluruh rantau Asia Pasifik, terdapat beberapa taufan bahaya yang mengakibatkan hujan lebat, angin kencang, dan banjir besar. Rasai sendiri pengalaman ditimpa taufan semasa berjalan di jalanan i-City di mana anda akan dihanyutkan oleh Typhoon 8 pada bila-bila masa!






Yang Indah
dan Yang
Menarik

SPACE mission -

Seperti Berada di Angkasa Lepas...



Beseronokan dalam meneroka dunia sains dan teknologi dapat dialami di Space Mission i-City, iaitu salah satu daya tarikan terbaharu di kota i-City yang dikenali sebagai taman tema pendidikan untuk kanak-kanak. Tahukah anda, lokasi ini adalah sesuai untuk ibu bapa membawa anak-anak mereka untuk merasai pengembaraan dunia sains ini?

Bersesuaian dengan namanya, Space Mission, ia kini menjadi salah satu tumpuan yang signifikan iaitu sebagai sebuah pusat penerokaan sains yang lebih berinteraktif apabila pengunjung dapat memahami penerokaan angkasa lepas yang futuristik dan kecanggihan teknologi serta inovasi dalam persekitaran yang menarik ini.

Di sini, ibu bapa berpeluang melihat bagaimana golongan kanak-kanak mampu memahami konsep ilmu sains yang diterjemahkan dalam bentuk model dan permainan. Secara tidak langsung, ia mampu memberi daya tarikan kepada kanak-kanak yang dikatakan kurang berminat terhadap dunia sains dan teknologi.

Lebih mengujakan, pengunjung turut berpeluang untuk mengalami perjalanan antara galaksi, melihat komet dan hujan meteor, bertemu dengan makhluk asing seperti yang pernah dilihat dalam filem "Alien" dan menyertai permainan pertempuran dengan makhluk asing.

Trick Art Museum

Bermain dengan Ilusi Mata

Selain Space Mission, i-City juga mempunyai tarikan utama lain termasuk Trick Art Museum. Di situ pengunjung dapat merasai pengalaman berinteraksi dengan lukisan pegun.

Menariknya, muzium ini dibahagikan kepada lima bahagian yang mempunyai tema-tema yang berbeza iaitu alam haiwan, Mesir, kehidupan marin dan karya-karya terpilih, termasuk karya klasik moden dan karya-karya hasil pelukis terkenal di dunia.

Tahukah anda, idea pembinaan muzium ini direalisasikan berdasarkan konsep seni purba Trompe L'oeil, yang mengetengahkan pameran yang menguji minda dengan ilusi optik melalui bayang-bayang dan subjek yang melampaui bingkai gambar.

Kota i-City adalah lokasi menarik untuk dikunjungi, yang menjanjikan sebuah percutian hebat tanpa menipiskan poket dan semuanya boleh didapati di bawah satu bumbung sahaja! Untuk maklumat lanjut, anda boleh layari laman sesawang www.i-city.my.

